

Teori Dan Model Bagi Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Hifz Al-Quran: Satu Tinjauan Literatur

Siti Nurjanah Mastor Mustafa^{1*}, Siti Aisyah Johan¹,
Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain¹

¹ Faculty of Science Social and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia

*Corresponding Author: snjannah89@gmail.com

Received: 27 September 2023 | Accepted: 21 November 2023 | Published: 1 December 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/ajress.2023.5.4.19>

Abstrak: Bidang pendidikan Hifz al-Quran semakin berkembang pesat dalam sistem pendidikan Malaysia. Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) perlu berpandukan kepada sesuatu teori dan model pembelajaran bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan sesi PdP tersebut. Kajian mendapati masih terdapat kelompondan dalam sesi PdP Hifz al-Quran yang berlaku sama ada di peringkat guru mahupun pelajar dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Justeru, artikel ini bertujuan untuk membincangkan pandangan sarjana berkaitan teori dan model yang boleh dijadikan panduan dan rujukan khususnya kepada guru dan umumnya kepada pelajar yang sedang dalam proses menghafaz al-Quran. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif iaitu kaedah perpustakaan dan analisis dokumen. Artikel ini diharapkan dapat memberikan maklumat berkaitan proses menghafaz kepada para huffaz agar bidang tahfiz ini terus berkembang dengan baik.

Kata kunci: Teori Pembelajaran, Model Pengajaran, Hifz al-Quran, Pengajaran dan Pembelajaran, Pendidikan Tahfiz

Abstract: The field of Hifz al-Quran education is growing rapidly in the Malaysian education system. The teaching and learning process (PdP) needs to be guided by a theory and learning model to ensure the smoothness and effectiveness of the PdP session. The study found that there are still gaps in the PdP Hifz al-Quran sessions that occur either at the teacher or student level and need to be given due attention. Therefore, this article aims to discuss the views of scholars related to theories and models that can be used as a guide and reference especially for teachers and generally for students who are in the process of memorizing the Quran. This study uses a qualitative methodology which is the library method and document analysis. This article is expected to provide information related to the memorization process to the huffaz so that this field of tahfiz continues to develop well.

Keywords: Learning Theory, Teaching Model, Hifz al-Quran, Teaching and Learning, Tahfiz Education

1. Pendahuluan

Perkembangan yang pesat dalam bidang pendidikan tahfiz membuka banyak ruang untuk penelitian dan penambahbaikan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan memperkasakan pendidikan al-Quran di Malaysia, termasuk penubuhan Kelas Khas Membaca

dan Kemahiran Menghafaz Al-Quran (KKQ) pada tahun 1986 (Khairul Latif *et al.*, 2019). Berdasarkan kajian lepas mengenai cabaran serta isu permasalahan berkaitan pendidikan tahfiz juga memfokuskan permasalahan yang timbul dalam kalangan guru berkaitan cabaran yang mereka hadapi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran hifz al-Quran.

Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam *Mu'jam Mustalahat al-Tarbiyyah wa al-Ta'lim* oleh Gergers (2005) menjelaskan bahawa, istilah tersebut membawa dua terma yang berbeza. Pengajaran menurut beliau sebagai *ta'lim* atau *teaching* yang diiktibarkan sebagai wahana penyampaian kemanusiaan dan wahana pendidikan, iaitu menyalurkan maklumat dan pengetahuan daripada guru kepada pelajar. Pengajaran tidak akan berjaya tanpa tiga unsur, iaitu guru, pelajar dan kaedah pengajaran yang menjadikan bahan bantu mengajar (BBM) sebagai perantara guru untuk menyampaikan kefahaman kepada pelajarnya. Manakala pembelajaran pula menurut Gergers merujuk bagaimana pelajar boleh belajar menguasai sifat, kemahiran dan ilmu pengetahuan yang memberikan manfaat kepada diri mereka.

Pengajaran dan pembelajaran juga menurut Yaakub Isa (1996) sebagai satu proses menerap dan memberikan ilmu dan kemahiran sehingga mewujudkan interaksi antara guru (yang melaksanakan pengajaran) dan pelajar (yang mengalami pembelajaran). Proses PdP berlaku melalui pelbagai wahana, menggunakan pelbagai kaedah atau metodologi, dan melibatkan seluruh deria pelajar.

Oleh itu, maksud PdP dalam kajian ini ialah kajian kemahiran guru tahfiz dalam mengendalikan pengajaran mereka dengan kaedah berpusatkan guru dan juga kemahiran guru tahfiz dalam mengendalikan pembelajaran pelajar dengan kaedah yang berpusatkan pelajar berdasarkan teori dan model PdP Hifz yang berkaitan.

2. Permasalahan Kajian

Kajian lepas mendapati, guru tidak dapat mengikut masa yang diperuntukkan untuk menghabiskan sukatan hafazan pelajar (Mardhiah, 2017; Jamalil *et al.*, 2017; Nurjanah *et al.*, 2022). Hal ini memberi kesan kepada pencapaian hafazan pelajar di mana mereka tidak dapat menghabiskan sukatan hafazan mengikut masa yang diperuntukkan (Hassan *et al.*, 2015; Mardhiah, 2017; Hafiz *et al.*, 2018; Nurjanah *et al.*, 2020). Selain itu, guru juga tidak dapat mengagihkan aktiviti hafazan al-Quran dengan baik semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (Mardhiah, 2017). Keadaan ini mengakibatkan pelajar tidak dapat melaksanakan semua aktiviti yang sepatutnya dilaksanakan di dalam kelas dan keadaan ini menyebabkan pelajar gagal menguasai hafazan dengan baik (Fatahurrahman, 2005; Zahriah *et al.*, 2016; Hafiz *et al.*, 2018). Tambahan pula, guru tahfiz juga masih lemah dalam penguasaan ilmu dan PdPc (Mardhiah, 2017; Jamalil, 2017). Oleh itu, mereka mengajar mengikut pengalaman mereka belajar dahulu (Marzuqi, 2008) Permasalahan ini menyebabkan sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan kurang berkesan. Pelajar juga kurang didedahkan dengan kepelbagaian teknik, kaedah dan strategi menghafaz daripada guru. Oleh itu, pelajar tidak dapat memilih kaedah yang terbaik untuk mereka menghafaz (Misnan, 2003; Shahrulkarnain, 2013, Musliza & Mokmin, 2014) seterusnya memberi kesan terhadap pencapaian hafazan pelajar (Kamarul Shukri, 2009; Azmil, 2014; Sri, 2019). Hal ini juga berpunca daripada tiada modul pengajaran tahfiz yang standard untuk diguna pakai dalam proses PdPc. Justeru, Mohd Jamalil *et al.*, (2017) berpandangan bahawa strategi menghafaz di institut tahfiz perlu diteliti dan diperhalusi agar dapat dijadikan garis panduan dan rujukan.

3. Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya adalah bertujuan membincangkan teori dan model yang terlibat dalam proses PdP Hifz al-Quran yang diketengahkan oleh para sarjana. Bagi menjalankan kajian, pengkaji telah menentukan objektif kajian seperti berikut:

- i. Mengenalpasti teori dan model bagi proses pengajaran dan pembelajaran Hifz al-Quran yang menurut pandangan sarjana.
- ii. Menganalisis perbezaan setiap pandangan sarjana dalam bentuk matrik analisis.

4. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan literatur berkaitan teori dan model PdP Hifz al-Quran yang dibincangkan oleh para sarjana. Kajian ini juga menggunakan kaedah perpustakaan dan analisis dokumen di mana pengkaji membuat penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan, jurnal, buku, artikel prosiding dan tesis. Kaedah analisis dokumen merupakan kaedah yang bersesuaian untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki dan menepati bidang kajian daripada dokumen-dokumen bercetak (Kamarul Azmi Jasmi, 2012).

5. Dapatan Kajian

Teori dan Model berkaitan PdP Tahfiz Al-Quran

Teori ialah suatu set pernyataan yang saling berkaitan mengenai sesuatu fenomena dan berupaya menerangkan dengan lebih jelas sesuatu fenomena (Sharani Ahmad dan Zainal Madon, 2007). Menurut Stanovich (1992) pula, teori adalah satu set konsep yang saling berkait, yang digunakan untuk menjelaskan sesebuah data dan untuk meramal keputusan kajian akan datang. Terdapat pelbagai teori berkaitan PdP yang diperkenalkan sehingga hari ini.

Model pengajaran merujuk kepada kerangka yang mengandungi isi pelajaran, teknik, strategi, kaedah serta suasana sosial bilik darjah yang boleh memberi kesan kepada hasil pembelajaran pelajar (Kamarul Azmi et al., 2012). Secara ringkasnya model pengajaran merupakan rangka tindakan (blueprint) pengajaran yang direka bentuk untuk mencapai matlamat pengajaran. Model ini terdiri daripada prosedur mudah PdP untuk menjadi panduan bagi guru agar pengajaran guru lebih berkesan.

5.1 Teori Pembelajaran Behaviorisme

Teori Behaviorisme diperkenalkan oleh Ivan Pavlov, seterusnya dikembangkan oleh Thorndike dan Skinner (Hadi, 2019; Salwa Syazwani, 2022). Teori ini membawa pandangan bahawa faktor persekitaran mempengaruhi perubahan tingkah laku. Teori ini juga menyatakan bahawa penggunaan konsep peneguhan dan dendaan diperlukan bagi menjelaskan mengapa sesetengah tingkah laku itu berlaku. Antara fahaman teori ini adalah tingkah laku boleh dipelajari, boleh diukur, boleh diperhatikan dan dianalisa berdasarkan gerak balas individu.

Terdapat tiga prinsip atau hukum pembelajaran menurut Thorndike iaitu hukum kesediaan, hukum latihan dan hukum kesan (Ormrod, 2008). Hukum kesediaan menekankan aspek kesediaan belajar dari segi kognitif, afektif dan psikomotor. Seterusnya hukum latihan adalah pengulangan dan latihan berterusan sebagai pengukuhan dalam pembelajaran. Manakala hukum kesan terbahagi kepada dua iaitu kesan positif dan kesan negatif. Tingkah laku yang diikuti hasil atau kesan yang positif akan menjadi lebih kukuh dan semakin lemah jika sebaliknya (negatif).

Berdasarkan perbincangan di atas, teori behaviorisme ini secara tidak langsung mempunyai implikasi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Antaranya, guru hendaklah menetapkan matlamat akhir proses pembelajaran yang spesifik secara jelas, realistik dan boleh dicapai. Seterusnya guru juga hendaklah menetapkan objektif yang khusus bagi setiap langkah pengajaran serta memastikan langkah-langkah tersebut disusun secara berperingkat dan ansur-maju. Selain itu, guru juga perlu mengaplikasikan teknik peneguhan yang sesuai semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (Noriati et al., 2017).

Dalam proses PdP Hifz al-Quran, guru perlu menetapkan sasaran hafazan bagi setiap pelajar mengikut kemampuan mereka yang berbeza berdasarkan matlamat akhir (jangka masa panjang) dan matlamat bagi jangka masa pendek. Matlamat jangka masa panjang mereka adalah sama iaitu mengkhatamkan hafazan sebanyak 30 juzuk al-Quran dalam tempoh pengajian lima tahun di peringkat menengah. Kajian sebelum ini mendapati, sebilangan pelajar mampu menghafaz melebihi lima muka surat dalam tempoh seminggu di mana hasilnya mereka dapat mengkhatamkan hafazan seawal berada di tingkatan tiga (Siti et al., 2022).

5.2 Model Pemprosesan Maklumat

Model pemprosesan maklumat ini dikemukakan oleh Robert M. Gagne (1975). Teori ini mengisahkan bagaimana sesuatu proses pembelajaran itu dapat memberikan maklumat kepada manusia. Menurutnya, pemprosesan maklumat yang berlaku dalam otak manusia akan melalui tiga proses berikut;

1) Ingatan Deria


Ingatan deria merupakan ingatan jangka pendek yang telah wujud pada deria. Masa simpanan maklumat yang mungkin berlaku ialah antara 1 hingga 3 saat. Malah, maklumat akan hilang serta merta sekiranya tidak diproses.

2) Ingatan Jangka Pendek

Tempoh simpanan maklumat bagi ingatan jangka pendek adalah antara 5 hingga 20 saat. Maklumat akan diproses, ditapis disusun atau disintesis untuk dihantar ke stor ingatan jangka panjang untuk disimpan. Pemindahan ke ingatan jangka pendek berlaku apabila kita memberi perhatian kepada bahagian maklumat yang disalurkan ke ingatan jangka pendek melalui tumpuan terpilih iaitu "selective attention". Selain itu, maklumat yang pada asalnya tidak bermakna dikenal pasti berdasarkan pola-pola yang sedia ada dan dipindahkan ke ingatan jangka pendek. Sesuatu "chunk" tidak mempunyai unit tertentu dan boleh merupakan satu huruf atau angka, satu perkataan, satu ayat atau pun satu perenggan, tertakluk kepada kebolehan seseorang menyimpan butir maklumat dan ia berbeza antara individu. Kita mencari maklumat daripada ingatan jangka pendek secara 'scanning' bersiri (satu demi satu) atau 'scanning' selari (serentak).

3) Ingatan Jangka panjang

Ingatan jangka panjang adalah satu proses menyimpan maklumat lebih lama, iaitu lebih daripada beberapa minit hingga ke beberapa tahun. Satu komponen dalam struktur memori yang menyediakan gudang atau stor penyimpanan yang kekal segala maklumat. Memori jangka panjang adalah lebih kekal penyimpanan maklumatnya. Ingatan jangka panjang adalah komponen memori yang mengandungi info tentang peristiwa lepas yang spesifik termasuk pengetahuan am tentang dunia. Ingatan Jangka Panjang masih menjadi tumpuan kebanyakan kajian menyiasat cara maklumat dikod, disimpan, diingat kembali dan lupa. Ingatan jangka panjang sebenarnya melibatkan gelombang otak semasa sesuatu proses kemasukan maklumat itu berlaku.




Rajah 1: Proses Pemindahan Maklumat
(Sumber: Diadaptasi daripada Atkinson & Shiffrin, 1968)

Berdasarkan Model Pemrosesan Maklumat yang dibincangkan di atas, proses menghafaz al-Quran juga akan melalui tiga proses yang sama iaitu ingatan deria, ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang. Jika diteliti aktiviti yang akan dilalui oleh seorang penghafaz al-Quran adalah bermula dengan tahsin bacaan sebelum menghafaz. Proses ini boleh dikaitkan dengan ingatan deria di mana mereka akan memberi perhatian kepada hukum-hukum tajwid serta *waqaf* dan *ibtida'* semasa membaca. Seterusnya aktiviti *takrar* sebelum menghafaz iaitu membuat ulangan ayat yang hendak dihafaz beberapa kali sehingga terekod dalam ingatan untuk jangka masa pendek. Seterusnya bagi mengekalkan hafazan dalam ingatan bagi jangka masa yang lebih panjang, latihan ulangan perlu dipertingkatkan agar ayat tersebut dapat diproses ke dalam memori jangka panjang. Jika latihan ulangan tidak dilaksanakan, ayat yang dihafaz akan mengalami lupa dan perlu dihafaz semula. Latihan ulangan ini juga disebut murajaah (mengingat kembali) ayat yang dihafaz dalam istilah ilmu menghafaz al-Quran.

5.3 Model Pembelajaran Hafazan Pada Zaman Nabi


Umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW seorang yang ummi (tidak tahu membaca dan menulis) dan masyarakat arab pada kurun tersebut juga kebanyakannya tidak tahu membaca dan menulis. Justeru, kaedah PdP al-Quran pada masa tersebut adalah melalui hafazan. Pembelajaran al-Quran pada peringkat awal adalah melalui hafazan daripada seorang sahabat kepada sahabat yang lain (Abu Mazaya, 2012). Proses pengajaran tersebut adalah secara berdepan dengan Rasulullah sebagai guru menggunakan pendekatan *talaqqi* dan *musyafahah*. Rasulullah SAW memperdengarkan bacaan di hadapan sahabat seterusnya sahabat mengikut bacaan Nabi seterusnya menghafaz ayat tersebut. Semasa proses ini, kesilapan bacaan yang berlaku dalam kalangan sahabat akan terus dibetulkan oleh Nabi sebagaimana Jibril memperbetulkan bacaan Nabi ketika penurunan wahyu.

Kaedah ini seterusnya diaplikasikan oleh para sahabat dan para tabi'in dalam mengajar dan mempelajari al-Quran ditambah lima aspek iaitu, membaca menghafaz, menulis, memahami dan mengamalkannya (Muhammad Ali al-Shabuni, 1996). Rasulullah SAW juga mengajar al-Quran dengan cara musyafahah dan taqlidi (Ismail Awang, 1987) iaitu, membaca antara dua hingga sepuluh ayat kepada para sahabat. Baginda juga menghuraikan maksud ayat tersebut agar difahami oleh para sahabat, memerintahkan mereka menghafaz dan mengamalkannya (Mohd Yusuf, 2004). Selain istiqamah dalam mengulang-ulang ayat hafazan, para sahabat juga memahami ayat yang dihafaz, menulis kembali setelah dihafaz serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Rajah 2 merupakan Kerangka Model Pembelajaran Hafazan al-Quran Pada Zaman Rasulullah, Sahabat dan Tabiin;



Rajah 2: Kerangka Model Pembelajaran Hafazan Pada Zaman Rasulullah, Sahabat dan Tabiin (Suriyani, 2018).

5.4 Model Pembelajaran Tahfiz Al-Qabisi



Rajah 3: Model Pembelajaran Tahfiz al-Qabisi (1955)


Rajah 3 menunjukkan Model PdP Hafazan al-Quran al-Qabisi (1955). Model ini diasaskan oleh Abu al-Hasan Ali bin Muhammad bin Khalaf al-Macafiri yang dikenali sebagai al-Qabisi. Tempat lahir beliau adalah bandar Qairawan, Tunis. Hasil penulisan beliau adalah berkisar aspek yang berkaitan dengan proses Pendidikan seperti kurikulum pendidikan, kaedah pengajaran, tujuan pendidikan, sistem persekolahan, hukuman, penilaian, dan sebagainya.

Aspek PdP tahfiz al-Quran merupakan aspek yang menjadi tumpuan utama al-Qabisi dalam penulisannya. Hal ini kerana beliau berpandangan bahawa al-Quran merupakan mata pelajaran asas dalam pendidikan manakala pelajaran lain merupakan ilmu tambahan.

Topik perbincangan utama al-Qabisi (1955) adalah menjurus kepada proses PdP ilmu yang bersifat lafaz serta bergantung sepenuhnya kepada ingatan dan hafazan. Justeru, PdP hafazan al-Quran menjadi topik perbincangan utama. Oleh itu, objektif yang dinyatakan oleh al-Qabisi (1955) dalam PdP tahfiz al-Quran ialah pelajar dapat menghafaz al-Quran dengan baik tanpa melihat mashaf (*al-hifz*), pelajar dapat menghayati dan memahami ayat yang dibaca serta bersemadi dalam jiwa (*al-wa'iy*) dan pelajar dapat membaca semula ayat yang dihafaz dengan penuh kelancaran tanpa melihat mashaf (*istirja'*). Menurut beliau, pelajar yang telah mempunyai ketiga-tiga kemahiran ini (*al-hifz*, *al-wa'iy* dan *istirja'*) berjaya menghafaz al-Quran dengan baik. Oleh itu, bertitik tolak kepada tiga aspek yang ditekankan oleh al-Qabisi ini, penilaian hafazan boleh dilihat daripada sudut *tasmi'* hafazan iaitu, pelajar dapat membaca semula ayat al-Quran yang telah dihafaz dengan baik menerusi aktiviti *murajaah*. Seterusnya kefahaman dan penghayatan pelajar dapat dilihat dari sudut kefahaman maksud ayat yang ditekankan dalam aktiviti fiqh ayat.

Penggunaan kepelbagaian panca indera dalam pelaksanaan aktiviti hafazan amat ditekankan oleh al-Qabisi (1955). Dalam konteks modul ini, kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* yang berlaku dalam aktiviti tahsin bacaan antara pelajar dan guru menggunakan kepelbagaian pancaindera mendengar, melihat dan membaca. Seterusnya, al-Qabisi (1955) juga menekankan aspek penilaian bagi memastikan keberkesanan sesi PdP seterusnya dapat mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Dalam konteks modul ini, penilaian harian yang dijalankan adalah semasa *tasmi'* dan juga semasa aktiviti *murajaah* yang dijalankan. Guru perlu melihat kepada beberapa aspek seperti kelancaran, fasahah, tajwid yang akan diterangkan dalam modul ini. Penilaian mingguan pula boleh berlaku ketika pelajar melaksanakan *murajaah* mingguan dan juga aktiviti fiqh ayat. Pelajar akan dinilai tahap ingatan hafazan selama seminggu dan juga tahap kefahaman terhadap ayat yang dihafaz pada minggu tersebut.


5.5 Model Kaedah Pdp Hafazan Ibnu Sahnun



Rajah 4: Kerangka Model Pembelajaran al-Quran Ibnu Sahnun (Dalam Suriyani, 2018)

Seterusnya adalah Kerangka Model Pembelajaran al-Quran yang diketengahkan oleh Ibnu Sahnun dalam karya ulungnya *adab al- mu'allimin*. Beliau mengatakan kaedah mengeja dan mengenal baris, membaca, menulis, menghafaz, mengulang, menguasai dan menilai merupakan kaedah yang perlu diterapkan dalam PdP al-Quran (Suriyani, 2018).

5.6 Model Kaedah Pdp Hafazan Abu Mazaya



Rajah 5: Kerangka Model Kaedah Pembelajaran Hafazan Abu Mazaya al-Hafiz (2004)

Dalam menghuraikan kaedah menghafaz, Abu Mazaya (2004) menekankan perkara yang perlu diberi perhatian sebelum menghafaz, semasa menghafaz dan juga selepas menghafaz. Langkah pertama sebelum mula menghafaz, pelajar perlu menyediakan mental dan fizikal serta penyucian jiwa. Ia boleh diperolehi dengan melaksanakan qiamullail, berzikir dan juga berpuasa. Selain itu, pelajar juga perlu bijak menyusun waktu seharian untuk menghafaz dan mengulang hafazan dan juga perlu bersabar dalam menghadapi pelbagai rintangan dan kepayahan dalam proses menghafaz.

Seterusnya semasa menghafaz, pelajar perlu memilih waktu yang sesuai untuk menghafaz. Kebiasaannya waktu menghafaz yang sesuai adalah awal pagi, sebelum subuh dan sesudah subuh serta selepas waktu maghrib. Semasa menghafaz, pelajar juga perlu menggambarkan ayat yang dihafaz di minda serta selalu mengulang-ulang ayat yang dihafaz sehingga tersemat dalam ingatan dengan kemas. Pengulangan bagi ayat yang agak sukar perlu melebihi bilangan ulangannya daripada kebiasaan agar ayat tersebut dapat disebut dengan baik kerana sudah menjadi biasa pada lisan.

Selepas selesai menghafaz bahagian tertentu, pelajar perlu melakukan ulangan ayat tersebut sekurang-kurangnya tiga kali sebelum melakukan hafazan yang baru. Sebaiknya pengulangan dilakukan sebanyak lima kali dalam tempoh 24 jam selepas menghafaz. Masa yang


dicadangkan untuk ulangan adalah sebelum tidur, selepas bangun tidur dan semasa menambah hafazan baharu.

Seterusnya, jika hafazan sudah mencapai 15 juzuk, kaedah ulangan hafazan dibahagikan kepada dua kaedah ulangan. Kaedah pertama adalah dengan menumpukan lima juzuk pertama dahulu ditambah dua juzuk baharu. Seterusnya lima juzuk kedua (juzuk enam hingga sepuluh) ditambah dua juzuk baru dan pada hari berikutnya ulangan lima juzuk seterusnya (sebelas sehingga lima belas) serta ditambah mana-mana juzuk yang dirasakan belum lancar.

Kaedah ulangan kedua adalah mengulang hafazan yang *dhabit* atau *rasikh* iaitu, yang lama diperolehi. Hal ini bergantung kepada kemampuan pelajar. Pada kebiasaannya, pelajar mampu khatam hafazan dua atau tiga kali dalam sebulan bermakna sehari membaca dua hingga tiga juzuk. Sekiranya terdapat kekangan masa, boleh dikurangkan menjadi satu juzuk sehari dimana akan mengambil masa sebulan untuk mengkhatamkannya. Pelajar perlu sentiasa menyemak bacaan hafazannya bagi mengelak daripada berlaku kesilapan dalam pembacaan dan hafazan.


5.7 Model Kaedah Pdp Hafazan Jibril

Kaedah Jibril menurut Muhammad Asraff Ayob al-Hafiz (2013) dengan mengengahkan kaedah hafazan sebanyak tiga baris sehari. Cara ini akan mengambil masa lima hari bagi menghabiskan hafazan satu muka surat al-Quran yang mempunyai lima baris. Menurutnya lagi, kaedah ini tidak membebankan penghafaz kerana menghafaz dalam kuantiti yang sedikit. Tempoh yang dicadangkan adalah selama 30 minit, masa yang singkat ini juga dapat mengelakkan kebosanan dalam menghafaz jika mengambil masa yang lama. Kaedah ini direka berdasarkan prinsip bahawa menghafaz al-Quran bukan sesuatu beban (Suriyani, 2018).



Rajah 6: Kerangka Model Kaedah Pembelajaran Hafazan Muhammad Asraff Ayob al-Hafiz (2013)

5.8 Model Kaedah Pdp Hafazan H. Sa'dulloh Dan Ir. Imjad Qasim



Rajah 7: Kerangka Model Gabungan Kaedah Pembelajaran Hafazan H. Sa'dulloh (2008) dan Ir. Imjad Qasim (2014)

Bagi model kaedah hafazan H. Sa'dullah dan Ir. Imjad Qasim (2014) menekankan fasa sebelum, fasa semasa dan fasa selepas hafazan. Bagi fasa sebelum hafazan, model ini menekankan berkaitan adab dan persediaan sebelum menghafaz serta saranan dalam menentukan matlamat sebelum mula menghafaz. Fasa ini merupakan fasa yang penting dan perlu dititikberatkan oleh setiap pelajar sebelum memulakan Langkah pertama sebagai seorang penghafaz al-Quran.


Seterusnya bagi fasa semasa, beberapa saranan dalam teori yang sesuai dan boleh diaplikasikan oleh pelajar serta dimasukkan dalam modul yang dibina. Antaranya adalah, menggunakan satu mushaf dalam menghafaz, pemilihan waktu dan lokasi yang sesuai, serta kaedah yang boleh digunakan ketika menghafaz. Antara kaedah yang diketengahkan adalah bin-nazar, tahfiz, takrir, talaqqi dan tasmi'.

Bagi fasa selepas menghafaz iaitu, fasa memelihara hafalan pula, beberapa kaedah dicadangkan mengikut tahap hafazan pelajar iaitu, bagi pelajar yang belum menamatkan hafazan 30 juzuk dan juga bagi pelajar yang sudah menamatkan hafazan sebanyak 30 juzuk al-Quran. Masing-masing mempunyai cara untuk mengekalkan hafazan yang tersendiri. Bagi pelajar yang belum habis menghafaz 30 juzuk, hafazan lama perlu diulang-ulang (*takrir*) sebelum menghafaz ayat baru. *Takrir* perlu dilakukan dua kali dalam sehari atau sekali dalam dua hari. *Takrir* boleh dilakukan bersendirian, *takrir* dalam solat, *takrir* bersama rakan dan *takrir* di hadapan guru. Bagi pelajar yang sudah mencapai sepuluh juzuk hafazan, *murajaah* perlu dilaksanakan dalam tempoh seminggu. Manakala bagi pelajar yang sudah mencapai hafazan sepuluh kelima belas juzuk perlu melaksanakan *murajaah* dalam tempoh dua minggu. Seterusnya bagi pelajar yang menghafaz lima belas hingga dua puluh juzuk perlu melakukan ulangan hafazan dalam tempoh tiga minggu. Setiap pelajar hendaklah istiqamah mengulang hafazan dalam solat fardu dan solat sunat nawafil (qabliah dan ba'diah). *Takrir* di luar waktu solat pula boleh dilakukan dengan mengatur waktu sebaik mungkin. Waktu yang di luar solat yang disarankan adalah *takrir* sebelum tidur, setelah tahajud dan pada masa terluang mengikut keupayaan dan kesesuaian.

Bagi pelajar yang sudah menamatkan hafazan sebanyak 30 juzuk al-Quran, maka *murajaah* perlu dilakukan bagi menguatkan hafazan dalam ingatan agar hafazan itu berkekalan dalam memori ingatan jangka panjang. Antara kaedah yang disarankan dalam pelaksanaan *murajaah* selepas khatam hafazan *takhmis* al-Quran iaitu, mengkhataamkannya dalam masa lima hari sekali. Jika kurang berkemampuan, dicadangkan agar mengkhataamkan 30 juzuk al-Quran yang dihafaz dalam tempoh seminggu (*tasbi'* al-Quran). Jika tidak mampu juga, boleh juga mengkhataamkan hafazan setiap sepuluh hari. Sekiranya tidak berkemampuan juga, maka boleh dilaksanakan dalam tempoh dua minggu sekali ataupun sebulan sekali sekurang-kurangnya. *Murajaah* ini dinamakan *murajaah* khatam, di mana pelajar perlu mengkhataamkan bacaan 30 juzuk al-Quran yang dihafaznya mengikut tempoh waktu yang dicadangkan mengikut keupayaan dan kesesuaian. Dalam masa yang sama, pelajar disarankan agar melaksanakan *murajaah* tumpuan, iaitu menumpukan sesuatu juzuk sehingga betul-betul lancar. Tempoh yang dicadangkan untuk melaksanakan *murajaah* tumpuan ini adalah sebanyak satu juzuk selama satu minggu di samping melaksanakan *murajaah* khatam. Kaedah yang paling baik menurut teori ini adalah dengan menggabungkan dua kaedah *murajaah* ini iaitu, mengkhataam *murajaah* hafazan setiap bulan di samping menumpukan *murajaah* hafazan terhadap juzuk tertentu. Tumpuan boleh diberikan pada lima juzuk terlebih dahulu dan juzuk lain perlu diulang-ulang mengikut waktu yang ditentukan (Suriyani, 2018).

5.9 Model Kaedah Pdp Hafazan Al-Ghawthani

Al-Ghawthani merupakan seorang pakar dalam bidang tahfiz al-Quran. Beliau merupakan seorang hafiz dan juga mempunyai kelayakan akademik yang tinggi serta berpengalaman luas dalam program hafazan al-Quran (Abu Mu'la, 2009). Teori al-Ghawthani dibina berdasarkan empat teras, iaitu prinsip, strategi hafazan, pemakanan dan pengekal dan kawalan.



Rajah 8: Model Hafazan al-Ghawthani (1998)

Al-Ghawthani (1998) meletakkan prinsip, sebagai seorang menghafaz al-Quran perlu mengetahui bahawa al-Quran mempunyai keistimewaan yang tersendiri serta terpelihara daripada sebarang kekurangan mahupun penyelewengan. Seterusnya, mengetahui bahawa sebagai menghafaz al-Quran dijanjikan dengan pelbagai kebaikan dan kelebihan. Selain itu, antara intipati terpenting adalah menyedari bahawa perlu sentiasa melaksanakan ulangan hafazan agar sentiasa tersemat dalam ingatan dengan sempurna. Akhir sekali, sebagai seorang menghafaz perlu bersabar atas cabaran yang dihadapi serta mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa dirinya mampu menghafaz dengan baik (al-Ghawthani 1998).

Seterusnya sebagai menghafaz al-Quran, perlu kepada strategi dan kaedah untuk menghafaz. Setiap menghafaz perlu menguasai sesuatu kaedah menghafaz yang dirasakan sesuai untuk dirinya agar dapat menghafaz dengan lebih berkesan. Berdasarkan teori hafazan al-Ghawthani (1998), strategi hafazan ini dapat diklasifikasikan kepada empat domain, iaitu afektif, kognitif, psikomotor dan metafizik. Tambahan lagi, menurut al-Ghawthani, pengambilan makanan berkhasiat oleh para menghafaz juga perlu ditekankan dalam kehidupan seharian. Pandangan ini bertepatan dengan pandangan sarjana lain seperti Abu Mazaya (2004) serta Azmil Hashim dan Kamarul Azmi Jasmi (2016). Antara senarai makanan yang perlu diambil oleh para menghafaz adalah madu, air zam-zam, habbatus sauda', susu lembu serta ikan segar.

Menurut Fathiyah et. al. (2018), pemakanan merupakan faktor penting bagi menjamin kesihatan seseorang khususnya sebagai seorang pelajar yang menghafaz al-Quran agar terus cemerlang pencapaian hafazannya. Tambahan lagi, sarjana kesihatan turut mengatakan bahawa pemakanan juga akan memberi kesan rohani, jasmani, sikap dan juga fizikal pelajar. Bagi aspek pengekalan dan kawalan pula, pelajar yang menguasai hafazan al-Quran bertanggungjawab untuk memastikan hafazan tersebut kekal dalam ingatan bagi tempoh jangka masa yang panjang. Langkah pengekalan yang dicadangkan oleh al-Ghawthani adalah mengulang hafazan secara individu dan berpasangan (Wan, 2020).

6. Perbincangan

Berdasarkan Model-model PdP yang telah dibincangkan, terdapat beberapa perkara yang menjadi topik perbincangan sarjana berkaitan PdP Hifz al-Quran. Pertama adalah berkaitan produk iaitu berkaitan matlamat dan objektif menghafaz yang diketengahkan oleh al-Qabisi (1955). Seterusnya memfokuskan kaedah PdP yang dibincangkan dalam Model PdP hafazan pada zaman nabi, Ibnu Sahnun dan Kaedah Jibril. Seterusnya perbincangan PdP Hifz berkaitan proses yang diketengahkan oleh al-Ghawthani (1998) & al-Qabisi (1955). Manakala Model Kaedah PdP Hafazan Abu Mazaya dan H. Sa'dullah dan Ir. Imjad Qasim juga membincangkan proses PdP Hifz dengan lebih terperinci berkaitan fasa-fasa dalam menghafaz iaitu fasa sebelum, fasa semasa dan fasa selepas menghafaz.

Setiap pandangan para sarjana mempunyai sudut pandang masing-masing yang saling menguatkan antara satu sama lain. Justeru, dalam sebuah sesi pengajaran dan pembelajaran Hifz al-Quran perlulah mempunyai matlamat dan objektif yang jelas. Seterusnya menitikberatkan proses yang dilalui sepanjang proses menghafaz bermula dengan fasa sebelum menghafaz, fasa semasa menghafaz dan fasa selepas menghafaz dengan memilih kaedah yang sesuai dilaksanakan dalam setiap fasa. Ketiga-tiga perkara ini tidak boleh diabaikan bagi memastikan sesi PdP hifz al-Quran dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan berkesan. Perincian perbezaan setiap pandangan sarjana digambarkan dalam rajah di bawah;

BIL.	RUJUKAN	MODEL	PECAHAN													
1	Muhammad Ali Ash Shabuni (1996), Ismail Awang (1987), & Abu Najihat al-Hafiz (2001)	Model PdP Hafazan Pada Zaman Nabi	membaca	menghafaz peringkat demi peringkat			memahami	menulis		mengamal		mengulang				
2	Yahya Husan Ali Kirad (2003), Kamal Abdul Hamis (2005), Muhammad Ali Al-Khulani (2006)	Model Kaedah PdP Hafazan Ibnu Sahnun	Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Al-Quran													
3	Al-Qabisi (1955)	Model PdP Tahfiz Al-Qabisi	Matlamat				Objektif									
			Maa'rifatuddin		Akhlaq		Hafaz		Wa'y		Istirja'					
			Proses				Penilaian									
4	Abu Mazaya Al-Hafiz (2004)	Model Kaedah PdP Hafazan Abu Mazaya	Talqin		Al-Mail		Al-Fahm		Harian		Mingguan		Akhir			
			Mendengar		Melihat		Membaca		Menulis		Mingguan		Akhir			
			Sedia Mental & Penyucian Jiwa		Membaca		Menulis		Membaca		Mingguan		Akhir			
5	Muhammad Asraff Ayob AL-Hafiz (2013)	Model Kaedah PdP Hafazan Jibril	Sebelum		Semasa		Selepas									
			3 baris sehari		3 langkah		Usaha Batin									
			30 minit sehari		3 ulangan waktu solat		3 langkah									
6	H. Sa'dulloh (2008) & Ir. Imjad Qasim (2014)	Model Kaedah PdP Hafazan H. Sa'dulloh Dan Ir. Imjad Qasim	Sebelum		Semasa		Selepas									
			Niat yang ikhlas		Kenali potensi akal/minda		disiplin menyusun jadual harian		talaqqi, fasih dan lancar bacaan		tentukan matlamat		akhlak terpuji		cari motivasi	
			Tabah & kuat keazaman		Istiqamah menambah hafazan		bin nazar tahfiz		sihat		talaqqi & tasmiq		kaedah pernafasan & pemakanan			
7	Al-Ghawthani, Yahya 'Abd al-Razzaq (1998)	Model Kaedah PdP Hafazan Al-Ghawthani	guna satu mushaf		waktu dan lokasi yang sesuai		menulis satu halaman dibahagi 3		sihat		sima'an					
			selepas		takhmis		tasbi'		sepuuluh hari		sebulan dengan penumpuan 5 juzuk setiap bulan					
			prinsip keistimewaan strategi hafazan		kelebihan kognitif		pengkalan psikomotor		kesabaran metafizik		pemakanan		berkhasiat		memberi tenaga	

Rajah 9: Analisis Matrik Bagi Model-model PdP Menurut Sarjana

7. Penutup

Setiap proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan antara guru dan pelajar perlulah mempunyai matlamat dan objektif yang jelas serta melalui proses-proses tertentu serta menggunakan kaedah yang bersesuaian. Hal ini amat penting bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Justeru, kajian ini dapat memberi gambaran kepada para guru dan pelajar tahfiz khususnya serta individu yang terlibat dalam PdP Hifz al-Quran secara umumnya berkaitan teori dan model PdP yang boleh dijadikan panduan dan rujukan dalam pelaksanaan PdP Hifz al-Quran.

Rujukan

- Abu Mazaayaa (1996). Panduan Menghafal al-Quran. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Abu Mazaya (2010). Kaedah Mudah dan Cepat Menghafaz al-Quran. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher.
- Abu Najihat (2002). Panduan bagi Hafiz Hafizah dan Qari dan Qariah. Selangor: Darul Iman.
- Al-Ghawthāni, Yahya 'Abd al-Razzāq. (1998). Kayfa taḥfaẓ al-Qur'ān: qawā'id asāsiyyah wa ṭuruq 'amaliyyah. Gaza: Dār Nūr al-Maktabāt. Salinan percuma boleh dimuat turun daripada: <http://ktb.com/book/Quraan03768D> dan <https://islamhouse.com/ar/books/411768/>
- Al-Qabisi, Abu Hasan Ali Muhammad (1955). al-Risalah al-Mufasssolah li Ahwal alMuallimin wa Ahkam al-muallimin wal Mutaallimin. Kaherah: Dar al-Ihya' Kutub al-Arabiyyah.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali. (1996). al-Tibyan fi Ulumul Quran. Beirut: 'Alam alKutub.
- Al-Suyuthi, Jalaluddin (2004). al-Itqan fi 'Ulumul Quran. Beirut: Darul Kutub Ilmiah.
- Amjad Qasim (2014) Hafalan Al-Quran dalam Sebulan. Selangor: Zafar Sdn. Bhd.
- Atkinson, R. & Shiffrin, R. (1968). Human Memory: A Proposed System and its Control Processes, dalam Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2017). Murid Dan Pembelajaran. Siri Pendidikan Guru: Oxford Fajar.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali, Aderi Che Noh (2014). Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar. Journal of al-Quran dan Tarbiyyah Vol 1(1) 2014: 9-16.
- Fatahurrahman Mohd Hafid (2005). Tahap Kualiti Hafazan al-Quran dan FaktorFaktor yang Mempengaruhinya: Satu Kajian ke atas Pelajar Semester Enam Darul Quran. Projek Penyelidikan Darul Quran.
- Fathiyah Mohd Fakhrudin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan, Lukman Abdul Mutalib, Wan Marzuki Wan Jaafar (2018). Perkembangan & Perspektif Pembelajaran Tahfiz di Malaysia. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Hashim, A., Tamuri, A., & Jemali, M. (2015). Persepsi Guru Tahfiz Terhadap Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education, 2(1), 35–50.
- Hassan, N. C., Fakhrudin, F. M., Ayub, A. F. M., Mutalib, L. A., & Jaafar, W. M. W. (2015). Tahfiz Schools Entry Requirement and Characteristics of Tahfiz Students. IJAEDU-International E-Journal of Advances in Education, 1(3), 234–241. <https://doi.org/10.18768/Ijaedu.85524>
- Hassan, N. C., Fakhrudin, F. M., Ayub, A. F. M., Mutalib, L. A., & Jaafar, W. M. W. (2015). Tahfiz Schools Entry Requirement and Characteristics of Tahfiz Students. IJAEDU-International E-Journal of Advances in Education, 1(3), 234–241. <https://doi.org/10.18768/Ijaedu.85524>
- Ismail Awang (1987) Pengajian dan Tafsir al-Quran. Kota Bahru: Dian Darul Na'im Sdn. Bhd.

- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). Pengajaran dan Pembelajaran. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam (Edisi Pertama ed., pp. 120)*. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES). ISBN: 978-967-0194-66-0.
- Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim & Mohd Faez Ilias. (2012). Gaya Pengajaran Guru dalam Pengajaran Danpembelajaran Pendidikan Islam. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)*, 211-223.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Penyelidikan Kualitatif Dalam Sains Sosial*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mardhiah Yahaya (2017). *Penilaian Program Tahfiz Ullul Albab Di Maktab Rendah Sains MARA (Tesis Sarjana Pendidikan)*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Misnan Jemali dan Ahmad Sadadi Hafidz (2003). Hubungan Antara Kaedah Menghafaz al-Quran dengan Pencapaian Kursus Tahfiz wal Qiraat Pelajar Semester Empat dan Lima Maahad Tahfiz wal Qiraat Perak. *Seminar Kaedah Pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan*. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mohamad Khairul Latif, Talhah Jimaain, Kamarul Azmi Jasmi. (2019). Competence and Method of Teaching Tarannum Al-Quran Among Teachers of Special Class on Reading and Memorizing Al-Quran Skill (KKQ) in Johor. *Proceedings of the 3rd International Conference on Research of Educational Administration and Management (ICREAM 2019)*; 249-253.
- Mohamad Marzuqi (2008). *Pengajaran Mata Pelajaran Hafazan al-Quran: Suatu Kajian Maahad Tahfiz al-Quran Zon Tengah*. Kertas Projek Sarjana: Fakulti Sains Kognitif: Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Mohammad Asraff Ayob al-Hafiz (2013) *Kaedah Jibril Teknik Mudah dan Praktikal Menghafaz al-Quran*. Selangor: PTS Darul Furqan.
- Mohammad Asraff Ayob al-Hafiz (2013) *Kaedah Jibril*. Kuala Lumpur: PTS Darul Furqan Sdn. Bhd.
- Mohd Jamalil Ismail, Sabri Mohamed, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, Nor Hafizi Yusof (2017). Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. ISSN 22896325 Bil 15: 2017.
- Mohd Yusuf Ahmad (2004). *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UM).
- Muhammad Hafiz Saleh, Zawawi Ismail, & Zaharah Hussin. (2018). Model Penilaian Program Tahfiz Al-Quran Di Nusantara Berdasarkan Model Penilaian Provus (Discrepancy Evaluation Model). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(2), 64–75. <https://doi.org/10.1016/J.Tca.2018.07.022>
- N. H. Hadi. (2019). Pelajar Introvert di Sekolah. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 1(1); 1-14.
- Nor Musliza dan Mokmin Basri (2014). Perbandingan Kaedah Hafazan al-Quran Tradisional dan Moden: Satu Kajian Awal. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014 (e-ISBN 978-967-11768-7-0)*. 9-10 Jun pp.827-834. Kota Kinabalu, Sabah
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2017). *Murid Dan Pembelajaran*. Siri Pendidikan Guru: Oxford Fajar.
- Ormrod, J. E. (2008). *Educational Psychology: Developing Learners (Edisi Keenam)*. New Jersey: Pearson Education.
- Sa'dullah (t.th). *9 Cara Praktis Menghafal al-Quran*. Jakarta: Gema Insani
- Salwa Syazwani Rustim, Winnie Tiong Wei Nie, Abby Earlynnda Ejaipi, Nur Izazi Adilah Mohd Khairil Azma Panjabi, Muhammad Shakir Zufayri Hussin, Umairah Ismail, Sarah Najwa Husaini, Mohd Razimi Husin. (2022). *Kesan daripada Pandemik: Murid*

- Hilang Rasa Hormat Terhadap Guru. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(2); 89-103. DOI: 10.36079/lamintang.jhass-0402.391
- Shahrulkarnain Mohd Nazir (2013). Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM-Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: Analisis Terhadap Pencapaian Hafazan dan Permasalahan. Tesis Sarjana: Universiti Malaya
- Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Ajmain Safar & Siti Aisyah Johan. (2022). Tahap Kemampuan Murid Tmua Menghafaz Berdasarkanbilangan Muka Surat Dalam Seminggu. Mei 2022, In book: Peranan Pendidikan, Komunikasi Dan Sosioekonomi Dalam Komuniti Tempatan, 22-34. Publisher: Kaizentrenovation Sdn Bhd (1167478-D).
- Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan & Jimaain Safar. (2020). Tahap Pencapaian Hafazan Murid Tmua Sekolah Menengah. *Al-Hikmah* 12(2) 2020: 35-52.
- Siti Suriyani Sulaiman. (2018). Kaedah Hafazan: Suatu Tinajauan Ringkas. *E-Journal Of Islamic Thought And Understanding*, 2(1), 44–59.
- Sri Andayani Mahdi Yusuf, Mohd. Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak (2019). Tahfiz Teachers Ability in Teaching of the Subject Hifz Quran in Implementing Integrated Curriculum Tahfiz (KBT) Secondary Schools. *International Journal of Academic Research I Business and Social Sciences*, 9 (5), 836-850.
- Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin, Azmul Fahimi Kamaruzaman, Firdaus Khairi Abdul Kadir & Ahmad Faathin Mohd Fadzil. (2020). Aplikasi Model Hafazan al-Qur'an Ulul Albab di Sekolah Imtiaz Terengganu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 3 (3), 1-33 e-ISSN: 2600-9080
- Zahriah Hussin, Nik Farhan Mustapha, Che Radiah Mezah, Pabiyah Toklubok & Normaliza Abd Rahim. (2016). Kepentingan Nahu Arab Dalam Menghafaz Al-Quran. *Gema Online Journal of Language Studies*, 16(2), 95–110. <https://doi.org/10.17576/Gema-2016-1602-06>.